

Research Article

Keberkesanan Papan Pelangi dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Pendidikan Islam 3.0

Mohd Firdaus Maskan^{1,*}, Muhammad Asyraf Daniyal Mohd Zarifi², Nur Alisha Athirah Mohd Al-Fattah³, Anas Mohd Firdaus⁴, Ahmad Rayyan Mukamil Khairul Hafiz⁵, dan Anisah Madidah Selamat⁶

^{1,2,3,4,5,6} SK Perumahan Tampoi; firdausmaskan769@gmail.com
* firdausmaskan769@gmail.com

Abstrak: Dalam menghadapi kemajuan revolusi industri 4.0 tidak ketinggalan sektor pendidikan, Program Pendidikan Khas Integrasi SK Perumahan Tampoi, Johor Bahru mengambil inisiatif mencipta “Papan Pelangi” yang mempunyai ciri tarikan emosi MBK yang menarik disamping merangsang daya intelektual (murid berkeperluan khas) dalam membanding beza huruf jawi yang seolah-olah sama bentuk. Terdapat 3 masalah utama iaitu masalah kecelaruan dengan huruf yang seakan sama; masalah lambat untuk memberi respon kerana keraguan dengan huruf yang seakan sama; masalah afektif iaitu keadaan mood yang lemah kerana bosan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif. Data dikumpul melalui pemerhatian. Sampel dilakukan pada 10 orang pelajar. Pelajar di pantau melalui penilaian bilik darjah berfokus pada pemahaman selepas belajar dan keberkesanan produk yang dilakukan ketika subjek Pendidikan Islam. Hasil kajian mendapati 10/10 murid dapat menguasai huruf yang sama bentuk tetapi berlainan bunyi dan meningkatkan fokus pelajar. Sementara itu, “Papan Pelangi” dapat mengoptimalkan keupayaan murid khususnya MBK dalam subjek pendidikan Islam dengan keberhasilan pencapaian melalui penilaian bilik darjah yang dilakukan guru. Dalam pada itu, “Papan Pelangi” direka dengan kompenan teknologi terkini dalam bentuk bahan bantu mengajar yang sesuai dengan peredaran zaman juga mampu menarik minat MBK serta mencapai objektif kajian. Selain itu juga, “Papan Pelangi” direka dengan alatan yang murah dan mudah didapati disamping kualiti yang mampu tahan lasak sesuai dengan murid berkeperluan khas.

Kata kunci: PPKI (Program Pend. Khas Integrasi), Papan Pelangi, MBK (murid berkeperluan khas)



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, kementerian pelajaran Malaysia berhasrat teknologi dalam pendidikan khususnya membina alat bantu mengajar sesuai dengan peredaran zaman industri 4.0 yang berorientasikan gadget dan pelbagai aplikasi. Bersesuaian dengan ini “Papan Pelangi” direka bagi mencapai 4 signifikan masalah utama iaitu; dalam kecelaruan huruf hijaiyah; menarik minat pelajar dan membentuk persekitaran pembelajaran yang selesa; komponen yang mudah didapati dan menggunakan skrin komputer kitar semula, tahan lasak dan boleh di bawa ke mana-mana; membantu guru dan ibu bapa untuk melatih murid berkeperluan khas. Daripada signifikan utama teretusnya objektif projek iaitu; bahan yang mudah dan murah; alat bantu mengajar yang boleh membantu menangani masalah pelajar khususnya dalam huruf jawi yang seakan bentuknya;

meningkatkan minat dan fokus murid dalam belajar. Masalah pertama yang dihadapi oleh murid pendidikan khas di SK Perumahan Tampoi 2 adalah kesukaran untuk membezakan huruf hijaiyah yang memiliki bentuk yang hampir sama, seperti huruf ba, ta, tha, ha, ho, ja, ain, ghoin, shin, syim, sot, dhot, tho, dzho, fa, dan qof. Masalah ini dapat menyebabkan kekeliruan dalam membaca atau mengeja perkataan yang mengandungi huruf-huruf tersebut, yang pada akhirnya dapat mengurangkan keberkesanan pembelajaran bagi murid tersebut. Kedua, memakan masa yang panjang untuk membandingbeza huruf yang seolah-olah sama bentukannya (ba, ta, tha, ha, ho, ja, ain, ghoin, shin, syim, sot, dhot, tho, dzho, fa, qof). Ketiga, masalah cepat hilang tumpuan dan mudah bosan. Masalah ini terbentuk berdasarkan keputusan murid melalui penilaian bilik darjah yang dijalankan.

Kompenan item “Papan Pelangi” seperti acrylic bersaiz A4 sebagai tapak, bateri 3.7v menyimpan kuasa, charger modula untuk mengecas bateri, penukar DC, lampu LED untuk menarik perhatian, suis dan potensiometer untuk melaras kecerahan lampu. Proses pembinaan litar “Papan Pelangi” disolder dengan rapi dan kemas supaya tidak tertanggal antara wayar penyambung.

2. KAEDAH DAN BAHAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk deskriptif. Data dikumpul melalui pemerhatian. Sampel yang dipilih terdiri daripada 10 orang pelajar sahaja kerana mereka lebih mahir dalam menyebut berbanding murid pendidikan yang lain. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini berusia antara 13-14 tahun. Mereka dipantau melalui penilaian bilik darjah yang memberi tumpuan kepada pemahaman mereka selepas pembelajaran dan keberkesanan produk yang dilakukan semasa subjek Pendidikan Islam.

3. HASIL KAJIAN

“Papan Pelangi” dapat menyelesaikan kesulitan masalah yang terdapat di atas dengan; pengulangan sebutan, penulisan yang mudah dipadam dan lampu yang menarik minat dan perhatian pelajar semasa PdP dijalankan sehingga akhirnya murid berkeperluan khas mendapat manfaat ilmu dan kemahiran yang baharu. Proses ini akan membantu MBK memperoleh keupayaan pemahaman dengan melakukan proses pengulangan berbentuk lisan semasa menyebut huruf yang seolah-olah sama. Dengan latih tubi yang bersistem ini dapatlah membantu MBK untuk membezakan pengetahuan yang lama dan huruf yang baru dipelajari berorientasikan imejan dan visual.



Penyediaan alat bantu mengajar sebelum memulakan pengajaran amat mencabar apabila berhadapan dengan murid pendidikan khas. Sebagai guru yang mengajar murid pendidikan khas, penilaian kemampuan murid dan tingkahlaku bagi setiap murid perlu diambil kira. Rentetan

daripada ini, 4 elemen utama dititikberatkan untuk membina “Papan Pelangi” yang berkesan seperti ketahanan keupayaan produk, daya tarikan produk yang dapat menarik minat murid pendidikan khas dari segi intelek dan tingkahlaku, keberhasilan murid, dan kemudahan penggunaan oleh guru dan ibu bapa. Elemen pertama “Papan Pelangi” adalah ketahanan keupayaan produk yang dicapai melalui pemilihan komponen elektronik tertentu seperti saiz acrylic bersaiz A4, bateri 3.7v, modul charger, penukar DC, lampu LED, suis, dan potensiometer. Komponen-komponen ini boleh didapati di kedai elektronik. Proses pembinaan litar “Papan Pelangi” disolder dengan rapi dan kemas supaya tidak tertanggal antara wayar penyambung. Elemen kedua ialah daya tarikan produk “Papan Pelangi” yang boleh menarik minat murid pendidikan khas dari segi intelek dan tingkahlaku. “Papan Pelangi” dihiasi dengan lampu LED putih dan dipasang di dalam skrin komputer yang dikitar semula, yang dapat menarik perhatian murid-murid. Elemen ketiga ialah keberhasilan murid, yang diukur melalui penilaian di dalam bilik darjah setiap kali subjek Pendidikan Islam diajar. Penilaian ini membantu mengukur kemajuan setiap murid. Akhirnya, elemen keempat membantu guru dan ibu bapa dengan memudahkan pengukuhan melalui pengulangan penulisan yang senang diurus dan dipadamkan. Selain daripada empat elemen di atas keistimewaan lain “Papan Pelangi” ini adalah mudah digunakan serta dibawa ke mana-mana dan boleh disimpan tanpa memakan ruang yang besar seperti dalam laci meja.

4. PERBINCANGAN

Dalam kajian Kulop Saad dan Ahamad (2000), 70% faktor yang membezakan sesebuah kelas ialah apabila setiap murid mempunyai perbezaan dari segi psikologi, keupayaan intelektual dan tingkahlaku bagi setiap individu yang berbeza antara kelas. Dengan pernyataan ini SK Perumahan Tampoi 2 mengambil inisiatif untuk berinovasi ‘Papan Pelangi’ khusus untuk murid berkeperluan khas yang terdapat 3 masalah utama iaitu masalah kekeliruan dengan huruf yang seakan sama; masalah lambat untuk memberi respon kerana keraguan dengan huruf yang seakan sama; masalah afektif iaitu keadaan mood yang lemah kerana bosan.

Kajian yang dilakukan oleh Thondike pula, guru perlu membuat pentaksiran dalam bilik darjah dan penilaian bagi setiap murid bagi memastikan murid sedia dan boleh menerima pelajaran. Perkara yang perlu diambil perhatian adalah emosi, intelektual dan keberkesanannya. Thondike mencadangkan kaedah warna-warni bagi mempengaruhi pelajar selain daripada kaedah token atau pujian positif. Oleh itu, berinspirasi kajian Kulop Saad dan Thondike, PPKI SK Perumahan Tampoi 2 mengambil inisiatif mencipta “Papan Pelangi” yang mempunyai ciri tarikan emosi MBK yang menarik disamping merangsang daya intelektual MBK dalam membanding beza huruf jawi yang seolah-olah sama bentuk.

Menurut Gani et. al 2006, dalam era globalisasi ini, adaptasi teknologi dalam pendidikan khususnya membina alat bantu mengajar sesuai dengan peredaran zaman industri 4.0 yang berorientasikan gadget dan pelbagai aplikasi. Bersesuaian dengan ini “Papan Pelangi” direka bagi mencapai 4 signifikan utama iaitu; menyelesaikan masalah MBK dalam kekeliruan huruf hijaiyah; menarik minat pelajar dan membentuk persekitaran pembelajaran yang selesa; komponen yang mudah didapati dan menggunakan skrin komputer kitar semula, tahan lasak dan boleh di bawa ke mana-mana; membantu guru dan ibu bapa untuk melatih MBK.

5. KESIMPULAN

Reka cipta “Papan Pelangi” dapat mengoptimalkan keupayaan murid khususnya MBK dalam subjek pendidikan Islam dengan keberhasilan pencapaian melalui penilaian bilik darjah yang dilakukan guru. Dalam pada itu, “Papan Pelangi” direka dengan kompenan teknologi terkini dalam bentuk bahan bantu mengajar yang sesuai dengan peredaran zaman juga mampu menarik minat MBK serta mencapai objektif kajian. Selain itu juga, “Papan Pelangi” direka dengan alatan yang murah dan mudah didapati disamping kualiti yang mampu tahan lasak sesuai dengan murid berkeperluan khas. Secara kesimpulannya, “Papan Pelangi” sangat sesuai digunakan oleh murid-murid berkeperluan khas untuk menangani masalah kecelaruan dalam membezakan dan menyebutkan bentuk huruf hijaiyah yang sama tetapi berbeza sebutan.

Rujukan

- A Kulop Saad, A. Ahamad. (2000). Keberkesanan Bahan Pengajaran Multi Interaktif
- K. Mohamed Nor. (1993). Kaedah Pembelajaran Berkesan. Cahaya Pantai M Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- N. S. Mohd Faiz, M. Mohamed, R. Zahit. (2006). Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang-Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional 2006, Johor. 29–38.